

24/04/1997

Gagal bukan bererti kalah

GAGAL tidak bererti kalah. Sekiranya kegagalan ditangani dengan bijak, ia dapat mendorong kekuatan yang akhirnya akan mencipta kejayaan.

Ada pelajar yang gagal semasa menerima keputusan Sijil Pelajaran Malaysia baru-baru ini tetapi ia bukan bermakna pelajar itu gagal buat selama-lamanya. Masih ada peluang untuk memperbaiki kelemahan seterusnya untuk berjaya dalam hidup.

Buku "Berani Gagal", karya Billi Lim dapat memberikan jawapan kepada orang yang berasa dirinya telah hanyut akibat kegagalan dalam peperiksaan.

Tuhan Maha Adil dan semua orang dikurnia bakat dan kebolehan. Hanya diri kita yang sepatutnya bersikap adil kepada diri dan mencari potensi ke atas kurniaan Tuhan itu.

Kegagalan yang sebenarnya adalah gagal untuk mencuba lagi setelah tidak memperolehi apa yang dihajati. Kita wajar mengorak langkah kembali untuk mendapatkan sesuatu yang dihasratkan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Khalid Yunus, berkata kita hendaklah mengambil langkah positif bagi memburu kejayaan.

"Sejarah dunia banyak mengisahkan kejayaan tokoh tertentu seperti yang dilalui oleh Thomas Edison yang membuat 10,000 percubaan untuk mencipta lampu pijar," katanya ketika melancarkan buku "Berani Gagal", baru-baru ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui pelbagai percubaan dan dugaan hingga berjaya menjadi pemimpin bertaraf dunia, malah Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim, menghadapi pelbagai rintangan dan halangan sebelum mencapai kejayaan.

Menurutnya lagi, tiada sesuatu pun boleh terhasil tanpa berbuat sesuatu kerana semua ganjaran hanya boleh diperoleh hasil dari kesungguhan yang berterusan.

(END)